

16 SEP 2003

ZETI-PENGUKUHAN

BANK NEGARA TIDAK AKAN CAMPUR TANGAN CEPATKAN PENYATUAN BANK

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz hari ini berkata bahawa bank pusat tidak akan campur tangan dalam mempercepatkan fasa kedua penyatuan sektor-sektor perbankan.

"Ya, jika pada masa ini adanya sinergi antara kedua-dua institusi kewangan, kita akan galakkan penggabungan tetapi, kalau tidak, kita mahu mereka betul-betul kukuhkan dahulu kedudukan mereka masing-masing dan menyediakan perkhidmatan dan produk bermutu tinggi serta memberikan akses kepada pembiayaan pada harga yang paling kompetitif," kata beliau.

Dr Zeti berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Bank Asian 2003 di sini.

"Kita amat berpuas hati. Seperti yang kita boleh saksikan, bukan senang untuk mencapai pengukuhan. Kita mempunyai sistem kewangan yang mempunyai banyak bahagian dan kini kita telah berjaya membentuk bank-bank domestik," kata beliau.

Gabenor itu menambah yang fasa pertama pengukuhan merupakan pencapaian struktural yang penting, "dan kita mahu manfaat sepenuhnya diraih daripada pencapaian ini."

Minggu lepas, Rating Agency Malaysia (RAM) Bhd berkata yang Bank Negara patut campur tangan dalam pusingan kedua pengukuhan bank kerana harga dan kuasa pengurusan telah dispekulasikan sebagai halangan kepada beberapa prundingan penggabungan bank tidak lama dulu.

"Walaupun bank pusat dengan jelasnya membayangkan yang pusingan penggabungan yang seterusnya akan ditentu oleh penggerak pasaran, beberapa bentuk campur tangan ataupun insentif dari BNM masih diperlukan," kata agensi penarafan itu.

Pusingan pertama pengukuhan bank dimulakan oleh kerajaan dalam tahun 2002 apabila ia melaksanakan syarat permodalan sebanyak RM2 bilion ke atas bank-bank yang kemudian menyaksikan 54 bank dikecilkan menjadi 10 kumpulan perbankan teras yang beroperasi hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan terlalu tegas terhadap pusingan kedua proses pengukuhan sektor perbankan.

Dilaporkan yang tarikh akhir yang disasarkan ialah tahun 2005. --

BERNAMA

MAS FR AA